

15 OCT 2000

Mahathir-Pokok

DR MAHATHIR KETUAI RAKYAT MALAYSIA TANAM POKOK ALAF BARU

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir hari ini mengetuai ribuan rakyat Malaysia menjayakan usaha menanam pokok alaf baru yang mencatatkan rekod dalam "Malaysia Book Of Records".

Sebanyak 100,000 pokok ditanam serentak di seluruh negara dalam masa satu minit.

Dr Mahathir mengetuai acara itu di Taman Bukit Jalil di sini dengan menanam sebatang pokok kapur atau nama saintifiknya "dryobalanops aromatica" tepat pada pukul 9.35 pagi.

Sebanyak 330 pokok ditanam di taman berkenaan yang turut dirasmikan oleh Perdana Menteri sempena acara bersejarah itu yang disiarkan secara langsung oleh Radio Televisyen Malaysia.

Turut hadir ialah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting, Menteri-menteri, Timbalan-timbunan menteri, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Kamaruzzaman Shariff dan Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara Datuk Ismail Ngah.

Dr Mahathir turut menandatangani sijil olok-olok Malaysian Book of Records bagi mengesahkan penanaman 100,000 pokok itu.

Acara peringkat negeri diketuai oleh Menteri-menteri Besar serta Ketua Menteri manakala Yang Dipertua Majlis Perbandaran dan daerah bagi peringkat kerajaan tempatan.

Acara penanaman pokok ini diadakan senpena sambutan Hari Habitat Sedunia, hari ini.

Aktiviti penanaman pokok ini bertujuan meningkatkan tahap kehijauan, kualiti landskap dan alam sekitar seluruh negara dengan membabitkan semua lapisan masyarakat.

Usaha untuk mencatat dalam Malaysia Book of Records adalah usaha untuk menjadikan Malaysia negara taman menjelang 2005.

Malaysia juga berusaha memperbaiki rekod dunia penanaman pokok yang sebelum ini dibuat di Sao Paolo, Brazil pada 10 April, 1976, membabitkan penanaman 24,199 pokok dalam masa satu minggu.

Kempen menanam pokok di seluruh negara telah dilancarkan oleh Dr. Mahathir pada 3 Mac 1997 dengan mensasarkan tiga juta pokok ditanam menjelang akhir tahun 2000 dan 20 juta pada tahun 2020.

Sehingga Jun lepas, lebih 2.3 juta atau 80 peratus sasaran menanam pokok, telah dilaksanakan di seluruh negara.

Program itu adalah anjuran bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Landskap Negara, agensi kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, DBKL, persatuan pencinta alam (kumpulan penanam pokok) dan beberapa pertubuhan lain.

Sebanyak 30 spesies pokok saka ditanam hari ini yang antaranya terdiri daripada pokok Pulai, Mambu, Kenanga, Asam Gelugur dan pokok Hujan-hujan.

Taman Bukit Jalil seluas 20.23 hektar itu terletak di selatan Kuala Lumpur dan menempatkan satu kawasan yang dinamakan laman antarabangsa yang mempamerkan taman-taman mini hiasan Iran, Indonesia, Thailand, Peru, Kanada, England, Belanda, Jepun, China dan Malaysia.

-- BERNAMA

RV AZZ LAT